



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN KEMUDAHAN AWAM LIMA BINTANG
LENGKOK TENGGIRI

OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERANCANG BANDAR&DESA

TARIKH / MASA / TEMPAT
28 JANUARI 2020 (SELASA)
8:30 PAGI

LENGKOK TENGGIRI

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Sr Hj. Rozali Bin Hj. Mohamud

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh A/L Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Dr Afif Bin Bahardin

Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmod

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohamad Khadari Bin Md Salleh

Pengerusi MPKK Jalan Tenggiri

Rakan - Rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini bersama penduduk dalam Majlis Perasmian Kemudahan Awam Lima Bintang Lengkok Tenggiri, Seberang Perai Tengah. Terima kasih juga diucapkan kepada YB Tuan Jagdeep Singh Deo, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan & Perancangan Bandar & Desa kerana berkesempatan bersama hadir merasmikan projek untuk rakyat ini walaupun sibuk dengan tuntutan tugas sehari-hari.

Pembentukan Hala Tuju Strategik Seberang Perai Bandaraya Lestari dan Mampan atau *Seberang Perai Smart and Sustainable City* adalah pelan tindakan untuk membawa perubahan setelah dinaik taraf menjadi Bandar Raya dan merupakan titik tolak ke arah kecemerlangan perkhidmatan Majlis untuk menjadikan Seberang Perai Inklusif, Hijau, Kompetitif, Bandar Pintar DiPacu Oleh Teknologi. Justeru, MBSP sentiasa mengambil langkah proaktif dan melipat gandakan usaha melaksanakan halatuju tersebut supaya rakyat mendapat manfaat dari perubahan status Bandar Raya khususnya golongan B40 dan rakyat amnya. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP yang telah dilakukan di sekitar kawasan ini ialah:

1) Menaiktaraf Kompleks Makanan Lebuh tenggiri yang telah siap dibina dan akan memulakan perniagaan pada pertengahan Februari 2020. Projek ini telah menelan belanja sebanyak RM489,395.25 bagi menyediakan ruang niaga yang lebih selesa kepada 14 unit gerai dan satu ruang makan terbuka untuk keselesaan kepada pengunjung. Kompleks Makanan Lebuh Tenggiri ini adalah bertaraf kompleks makanan gred A dan merupakan salah satu perubahan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat setelah Seberang Perai dinaik taraf menjadi Bandar Raya.

2) MBSP juga telah menaiktaraf laluan pejalan kaki daripada Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya 2 hingga ke simpang Surau Tuna dengan menelan belanja sebanyak RM161,000.00 dan telah siap pada 11 Mac 2019.

3) MBSP juga telah membina 600 meter laluan pejalan kaki di Jalan Tenggiri dari Jambatan Sungai Durhaka hingga ke Projek Pasar Awam Jalan Tenggiri yang sedang dalam perancangan dengan kos RM300,000.00. Saya amat berharap peniaga-peniaga tidak menjadikan ruang pejalan kaki sebagai ruang niaga mereka kerana penyediaan ruang pejalan kaki adalah usaha MBSP untuk menyediakan infra supaya penduduk berjalan kaki ke tempat urusan masing-masing bagi mencapai Seberang Perai Rendah Karbon

menjelang 2022, Bandar Neutral Karbon 2030 dan Bandar sifar Karbon 2050.

4) Projek Perintis “*Smart Bus Stop*” pertama di Negeri Pulau Pinang yang telah dirasmikan pada 13 Mei 2019. “*Smart Bus Stop*” ini dilengkapi dengan cirri-ciri keselamatan yang berteknologi tinggi dan dengan rekabentuk sejagat atau *Universal Design*. Di samping itu, ia juga adalah salah satu daripada rekabentuk bangunan hijau di mana bus stop ini memperolehi tenaga daripada solar untuk penggunaan *charging pod*.

Ke semua projek-projek ini adalah untuk rakyat dan Kerajaan Negeri serta MBSP akan sentiasa memastikan kemudahan rakyat dapat dicapai oleh semua golongan.

YB Tuan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Saya amat tidak berpuas hati dengan pencapaian kebersihan tandas awam di Seberang Perai. Audit yang dilakukan pada Disember 2019 menunjukkan 52.6% iaitu 245 tandas awam daripada 465 berada di tahap 3 Bintang dan ke bawah, manakala bakinya 47.4% atau 220 tandas awam berada di tahap 4 dan 5 Bintang.

Justeru menepati Penang2030 “ A Family Focused Smart and Green State, MBSP mensasarkan 465 Tandas Awam di Seberang Perai mencapai Empat atau Lima bintang menjelang 2022. Penarafan ini dilakukan mengikut kriteria Pelan Tindakan Pengurusan Tandas Awam Kebangsaan di bawah Pekeliling Ketua Setiausaha KP KT Bil 4 Tahun 2017, Garis Panduan Star Rating Kebersihan Tandas Kegunaan Awam di Kawasan PBT di bawah Pekeliling Ketua Setiausaha KP KT Bil 3 Tahun 2012 dan Manual Pembersihan Tandas Awam di bawah Pekeliling Ketua Setiausaha KP KT Bil.4 tahun 2017.

Selain itu, saya menyeru kepada pengusaha restoran, kedai minyak, Masjid, rumah ibadat dan pengguna, marilah kita mengubah persepsi tandas yang sinonim dengan kotor kepada tandas sinonim dengan “ Tandas Ku, Keselesaan Ku ” dan ianya harus dijadikan sasaran bersama untuk mencapai Pulau Pinang, Negeri yang paling bersih dirantau ini. MBSP sentiasa memastikan tandas-tandas awam milik MBSP memenuhi keperluan minimum bagi reka bentuk tandas serta memenuhi aspek-aspek rendah karbon memandangkan hala tuju Seberang Perai ke arah Bandaraya Rendah Karbon. Tandas-tandas milik MBSP terdiri daripada tandas-tandas di Kompleks Makanan milik MBSP, Tandas Pasar Awam, Tandas Bangunan MBSP dan Tandas Kompleks Sukan. MBSP mempunyai 30 buah tandas Pasar Awam, 44 buah tandas kompleks makanan dan 33 buah tandas meliputi tandas kompleks sukan dan bangunan Milik MBSP.

YB Tuan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Pada hari ini, satu lagi projek naik taraf akan di rasmikan iaitu Projek Naiktaraf Kemudahan Awam Lima Bintang Lengkok Tenggiri. Projek naik taraf tandas awam ini telah mula dijalankan pada 16 Julai 2017 dan siap sepenuhnya pada 21 Disember 2019.

Projek ini melibatkan keseluruhan kos perbelanjaan sebanyak RM161,750.00. Pada peringkat awal, perancangan projek ini juga turut mengambil kira pandangan dan input daripada para peniaga sebelum ianya dibangunkan bagi memastikan ianya mampu memberi manfaat kepada semua.

Fasiliti utama yang telah ditambahbaik selepas dinaiktaraf ialah:

- 1) Menggunakan lampu sensor automatik
- 2) *Photocell* (Sistem yang menggunakan cahaya keliling)
- 3) Menggunakan pintu *stainless steel* anti karat
- 4) Penggunaan pump tandas jenis jimat air dan
- 5) Kelengkapan Tandas Orang Kurang Upaya

Projek Naik Taraf ini juga adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang

(RSNPP) 2030 yang dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri dan sejajar dengan Hala Tuju Strategik MBSP 2018-2022 yang menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti, meningkatkan taraf ekonomi peniaga dan masyarakat setempat, mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, sihat dan selamat serta pembangunan bandar yang inklusif dan saksama.

YB Tuan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

MBSP perlu bergerak dalam satu pasukan dan akan sentiasa meletakkan kehendak warga Seberang Perai di hadapan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran penduduk agar sentiasa dekat di hati. Seberang Perai akan menjadi sebuah bandar yang mampan dan lestari kerana rakyatnya didokong oleh sikap bersedia melakukan perubahan, bersatu hati dan berganding bahu. Manakala MBSP pula meletakkan Pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership*) sebagai titik tolak untuk memberikan yang terbaik.

MPSP mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan serta penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan dalam usaha meningkatkan keyakinan semua pihak. Sebagai *People Centric Government*, MPSP sentiasa memberi fokus kepada isu-isu semasa

yang dihadapi rakyat bukan sahaja dalam menangani isu-isu pengurusan sisa pepejal, kesesakan lalulintas, pemantauan lampu isyarat, kompleks-kompleks makanan dan lampu bahkan juga isu-isu kebersihan juga kesihatan untuk kesejahteraan rakyat sejajar dengan Wawasan Penang2030 : Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara dengan bertemakan Meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan di samping menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah . Di harap inisiatif strategik ini akan menjadi landasan untuk MBSP meluncur laju 10 tahun akan datang membawa Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang Pintar dan Hijau yang akan menjadi inspirasi kepada negara.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.**